

**ISTIADAT MENGADAP
DAN
ISTIADAT PENGURNIAAN
DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN
BINTANG-BINTANG NEGARA MALAYSIA**

SABTU 4 JUN, 1994

Sumbangan daripada:

*Yg. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
Ketua Setiausaha Negara*

**ISTANA NEGARA
KUALA LUMPUR**

100
100
100

Hadiah
733292

11 OCT 1994
Perpustakaan Negara
Malaysia



SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI PERTUAN AGONG KE X
TUANKU JA'AFAR



SERI PADUKA BAGINDA
RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU NAJIHAH

**SENARAI NAMA-NAMA YANG MENJUNJUNG
PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN
BINTANG-BINTANG NEGARA MALAYSIA
PADA 4HB. JUN, 1994**

Darjah: Seri Pahlawan Gagah Perkasa—

1. Puan Siti Zauyah binti Yahya,
bagi pihak Allahyarham Koperal Mat Aznan bin Awang, s.p.

Darjah: Panglima Mangku Negara—

1. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Musa bin Hitam, P.M.N.
2. Y.Bhg. Jeneral Tan Sri Borhan bin Haji Ahmad, P.M.N.
3. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Gunn Chit Tuan, P.M.N.
4. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sulaiman bin Ninam Shah, P.M.N.

Darjah: Panglima Setia Mahkota—

1. Y.B. Senator Tan Sri Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M.
2. Y.A.B. Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh, P.S.M.
3. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Rahim bin Haji Din, P.S.M.
4. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Mohd. Noordin bin Hassan, P.S.M.
5. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Simon Sipaun, P.S.M.
6. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Omar bin Abdul Rahman, P.S.M.
7. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Haji Shahrizaila bin Abdullah, P.S.M.
8. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, P.S.M.
9. Y.Bhg. Laksamana Madya Tan Sri Dato' Seri Mohd. Shariff bin Ishak, P.S.M.
10. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Musa bin Mohamad, P.S.M.
11. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ahmad Farouk bin Haji S.M. Ishak, P.S.M.
12. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ibrahim bin Menuidin, P.S.M.
13. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Ting Pek Khiing, P.S.M.

Darjah: Panglima Setia Mahkota (Kehormat)—

1. Y.Bhg. Air Chief Marshal Voranat Aphichari, P.S.M.

DARJAH YANG AMAT DIHORMATI SETIA DIRAJA

Cogankata: "SETIA DAN BAKTI"

Darjah: *Panglima Setia DiRaja*—

1. Y.Bhg. Datuk Haji Harun bin Baba, P.S.D.
2. Y.Bhg. Datuk Omardin bin Dato' Seri Abdul Wahab, P.S.D.
3. Y.Bhg. Datuk Haji Ismail bin Haji Ahmad, P.S.D.

Darjah: *Panglima Setia DiRaja (Kehormat)*—

1. Y.Bhg. Datuk Juan Claudio Ilharreborde, P.S.D.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

Cogankata: "DIPELIHARAKAN ALLAH"

Darjah: *Johan Mangku Negara*—

1. Y.Bhg. Dato' Alwi bin Syed Nordin, J.M.N.
2. Y.Bhg. Leftenan Jeneral Dato' Che Md. Noor bin Mat Arshad, J.M.N.

DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA

Cogankata: "BERSERAH KEPADA ALLAH BERSETIA KEPADA RAJA"

Darjah: *Johan Setia Mahkota*—

1. Tuan Haji Othman bin Mohd. Rijal, J.S.M.
2. Y.Bhg. Mejar Jeneral Dato' Haji Johan Hew bin Abdullah, J.S.M.
3. Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Abd. Majid, J.S.M.
4. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I Tham Siew Kuan, J.S.M.

DARJAH YANG AMAT DIHORMATI SETIA DIRAJA

Cogankata: "SETIA DAN BAKTI"

Darjah: *Johan Setia DiRaja*—

1. Tuan Haji Mohd. Ariff bin Yusof, J.S.D.
2. Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II Ibrahim bin Haji Md. Rashid, J.S.D.
3. Timbalan Penguasa Polis Sharifuddin bin Abd. Ghani, J.S.D.



**ALAT-ALAT KEBESARAN
DIRAJA DAN KERAJAAN**





KERIS PANJANG DIRAJA

Alat kebesaran Melayu yang sangat dimuliakan ialah Keris dan **KERIS PANJANG DI RAJA** adalah alat Kebesaran Negara yang utama dalam istiadat Pertabalan. Keris Panjang Diraja adalah Keris Kerajaan dan adalah sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan. Keris ini, daripada hulunya hingga ke sarungnya bersalut dengan emas dan di atas sampirnya diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan dan lambang sebelas Negeri Tanah Melayu. Matanya ditempa daripada besi waja yang diambil dari sebelas bilah keris daripada Negeri-negeri itu. Hulu Keris ini berbentuk "Tapak Kuda" dengan hiasan yang merupakan buah jering. Keris ini hanya dibawa oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dalam istiadat-istiadat tertentu sahaja.





TENGGOLOK DIRAJA

Di antara pakaian-pakaian kebesaran Raja-raja Melayu ialah **TENGGOLOK DI RAJA**. Semenjak beberapa kurun lamanya Raja-raja Melayu telah memakai kain yang ditunen dengan sutera yang diikat dengan berbagai-bagai solek di ulunya, sebagai pakaian kebesaran. Bentuk ikatan (solek) dan warnanya adalah bertlainan dari sebuah ke sebuah negeri. Kain ulu itu dinamakan "Tengkolok" dan Tengkolok Diraja yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Pertabalan adalah berwarna hitam bersulam dengan benang emas. Soleknya dinamakan "Dendam Tak Sudah" yang berasal dari Negeri Sembilan. Di sebelah hadapan tengkolok ini dipasangkan anak bulan dengan bintang yang pecah empat belas diperbuat daripada emas putih dan di tengah-tengah bintang terletak lambang Kerajaan Malaysia yang berwarna-warni.



GENDIK DIRAJA

GENDIK (PEMELES) ialah pakaian ulu bagi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong iaitu diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian berbunga awan larat. Di tengah-tengahnya, di atas awan larat itu terdapat anak bulan dengan bintang, keduanya diperbuat daripada emas putih juga. Gendik ini dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Gendik ini diperbuat khas supaya boleh diceraikan menjadikannya loket dan kerongsang.



KERIS PENDEK DIRAJA

KERIS PENDEK DIRAJA adalah diperbuat daripada mata keris lama dengan berhulu dan bersarungkan gading yang bertatahkan emas. Hulu Keris ini dinamakan "Hulu Perkakak" dan berupa kepala "Garuda". Di sampir keris ini diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan. Keris ini ialah salah satu pakaian kebesaran Diraja dan seperti Keris Panjang Diraja ia hanya dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.



ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR



*(Dan Inilah TUHAN yang menjadikan kamu Khalifah di muka bumi itu dan diangkatkan seraguh daripada kamu
berapa banyak sebagai menasihati kamu pada barang yang dikurniakan-NYA kepada kamu, sesungguhnya TUHAN kamu
itu amat segera menandatangani skewan dan sesungguhnya Itulah jua TUHAN yang amat mengampun lagi mengasihani)*

(Surah Al-An'am Ayat 165)

SUSUNAN ACARA

PERHIMPUNAN DI BALAIRONG SERI

1. **Sekeliam** **00:00 jam** Sekeliam Di-Dit mengambil tempat di Balaiorong Seri.
2. **00:15 jam** Ketibaan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr. Wan Azizah.
3. **00:27 jam** Ketibaan Y.A.B. Perdana Menteri dan Dato' Seri Datin Seri Paduka Dr. Siti Hasmah.

KEBERANGKAPAN MASUK KE BALAIRONG SERI

1. **00:30 jam** TIUPAN NAFIRI menandakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan berangkat masuk ke Balaiorong Seri. Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong masuk ke Balaiorong Seri didahului oleh Datuk Paduka Maharaja Lela dan Panglima-Panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama dan diikuti oleh Panglima-Panglima yang membawa Alatan Kebesaran Diraja dan Juruiring-Juruiring Baginda.
 - NEGARA KU. *
 - Tembakan meriam 21 das.

ISTIADAT MENGADAP

- 1 ... Setelah sempurna Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bersemayam di atas Singgahsana, maka Datuk Paduka Maharaja Lela mengadap memohon limpah berkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Tuan Yang Terutama Ketua Kor Diplomatik mengadap.
- ... Datuk Paduka Maharaja Lela mengisytiharkan Istiadat Mengadap oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Tuan Yang Terutama Ketua Kor Diplomatik di zahirkan.
- 2 ... Setelah menjunjung titah Datuk Paduka Maharaja Lela mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadap.
- ... Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diiringi oleh Datuk Paduka Maharaja Lela dan Setiausaha Sulit mengadap dan menyembahkan Ucapan Tahmah bagi pihak Kerajaan dan Rakyat Malaysia.
- ... Setelah sempurna, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berundur kembali ke tempatnya.
- 3 ... Datuk Paduka Maharaja Lela mempersilakan pula Tuan Yang Terutama Ketua Kor Diplomatik mengadap.
- Tuan Yang Terutama Ketua Kor Diplomatik diiringi oleh Datuk Paduka Maharaja Lela dan Setiausaha Sulit mengadap dan menyembahkan ucapan tahmah bagi pihak sekalian Perwakilan Kerajaan-Kerajaan Asing di dalam Malaysia.
- Setelah sempurna maka Tuan Yang Terutama Ketua Kor Diplomatik undur kembali ke tempatnya.

SERI PADUKA BAGINDA BERTITAH

- 1 ... Setiausaha Sulit menyembahkan naskah Titah Ucapan Diraja kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apabila sempurna Seri Paduka Baginda bertitah, Setiausaha Sulit pun menyambut kembali Titah Ucapan Diraja dan kembali ke tempatnya.

ISTIADAT PENGURAIAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGARA MALAYSIA

... Datuk Paduka Maharaja Lela menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memohon limpah berkenan untuk dimulakan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang Negara Malaysia.

... Datuk Paduka Maharaja Lela mengisytiharkan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negara Malaysia di zahirkan.

Penolong Datuk Paduka Maharaja Lela menjemput Penerima-penerima Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang menghadap mengikut susunan.

... DOA SELAMAT

... Datuk Paduka Maharaja Lela menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyembahkan bahawa Istiadat Mengadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negara Malaysia telah selamat dispurnakan.

KEBERANGKATAN BELAIRONG SERI

... NEGARA KU.*

TIUPAN NAFIRI menandakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan berangkat meninggalkan Balairong Seri. Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong meninggalkan Balairong Seri didahului oleh Datuk Paduka Maharaja Lela dan Panglima-Panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama dan diikuti oleh Panglima-Panglima yang membawa Alatan Kebesaran Diraja dan Jururing Jururing Baginda.

... Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meninggalkan Balairong Seri.

... Dif-Dif bersurai.

ALAM SELAMAT DARI SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



KALUNG DIRAJA

KALUNG ialah rantai leher yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong iaitu diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian. Kalung ini merupakan sebahagian daripada pakaian kebesaran yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalung ini juga boleh dicerai menjadikannya sepasang subang, kersang dan kerabu.

PENDING DIRAJA

PENDING DIRAJA ini diperbuat daripada emas sepuluh mutu bertatah dan bersulamkan dengan permata delima dan di tenggahnya pula tertera lambang Kerajaan Persekutuan. Tali bengkungnya diperbuat daripada kain sahlit bertekat berbunga-bunga dengan benang emas.



COGAN ALAM COGAN AGAMA

COGAN ALAM dan **COGAN AGAMA** ialah dua alat kebesaran yang menjadi sebahagian daripada lambang kebesaran Kerajaan Malaysia.

COGAN ALAM diperbuat daripada perak, panjangnya 162.66 sm atau lima kaki empat inci dan berupa suatu bulatan di atas hulu tongkat. Di atas bulatan ini diperbuat anak bulan dengan bintang daripada emas. Di sekeliling bulatan ini diterapkan dengan lambang sebelas Negeri Tanah Melayu daripada emas. Bulatan tersebut ditanggung oleh empat lembaga harimau yang berdiri, manakala tongkatnya dibiasi dengan enam tangkai padi daripada emas.

COGAN AGAMA adalah juga diperbuat daripada perak, panjangnya 155.04sm atau lima kaki satu inci dan berupa sebatang tongkat bulat berhulu besar. Di atas hulu tongkat itu diperbuat anak bulan dengan bintang pecah lima daripada emas. Pada batang dan hulunya diterapkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran.





COKMAR

COKMAR ialah satu lagi alat kebesaran yang menjadi sebahagian daripada lambang kebesaran Kerajaan Malaysia. Cokmar ini terdiri dari dua bilah dan diperbuat daripada perak dan tiap-tiap satu panjangnya 81.32 sm atau dua kaki delapan inci dan merupakan alat perang, iaitu tongkat pendek berhulukan kubah.

PEDANG, KERIS PANJANG DAN SUNDANG DIRAJA

PEDANG, KERIS PANJANG dan **SUNDANG** ialah tiga jenis senjata Melayu tua yang dijadikan sebahagian daripada alat kebesaran Diraja iaitu diambil daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala. Keris Panjang dan Sundang bersalut dengan perak serta berukir-ukir pada hulu dan sarungnya.



PAYUNG UBUR-UBUR KUNING dan TOMBAK BERAMBU

PAYUNG UBUR-UBUR KUNING dan TOMBAK BERAMBU ini ialah sebahagian daripada alat kebesaran Diraja.

Payung Ubur-Ubur Kuning sebanyak dua puluh kaki diperbuat daripada kain sutera yang berwarna kuning raja iaitu suatu warna yang dipandang mulia oleh orang Melayu dan dikhaskan menjadi kebesaran Raja-rajanya. Di kemuncaknya dipasangkan anak bulan dengan bintang.

Tombak Berambu ini sebanyak dua puluh juga, matanya berluk tiga diperbuat daripada tombak-tombak pusaka dari sebelas buah Negeri Semenanjung Malaysia.





**DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN
BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT
NEGARA MALAYSIA**





**DARJAH-DARJAH KEBESARAN
DIRAJA DAN DARJAH KERABAT**





DARJAH YANG MAHA UTAMA KERABAT DIRAJA MALAYSIA (D.K.M.)

Darjah kebesaran ini mempunyai satu pangkat sahaja dan bilangan ahli-ahlinya terhad seramai sepuluh orang. Darjah kebesaran ini dikurniakan kepada setiap Baginda Raja yang telah ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong.



DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.)

Darjah kebesaran ini juga mempunyai satu pangkat sahaja. Bilangan ahli-ahlinya terhad kepada 30 orang, 15 daripadanya mungkin daripada Anak-anak Raja Negara Luar, Ketua-Ketua Negara atau orang-orang yang amat ternama.



**DARJAH-DARJAH YANG MULIA
PANGKUAN NEGARA**





SERI MAHARAJA MANGKU NEGARA (S.M.N.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Pertama. Darjah kebesaran ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk jumlah warganegara asing yang menerimanya sebagai anugerah kehormat. Penyangang Darjah ini membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyangang bergelar 'Toh Puan.'



PANGLIMA MANGKU NEGARA (P.M.N.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kedua. Darjah kebesaran ini membawa gelaran 'Tan Sri' dan isteri penyandang bergelar 'Puan Sri'. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 75 orang, tidak termasuk warganegara asing yang menerimanya sebagai anugerah kehormat.




JOHAN MANGKU NEGARA (J.M.N.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Ketiga. Di sebelah kiri ialah Bintang Kebesaran yang dikurniakan kepada kaum lelaki dan dikanannya dikurniakan untuk kaum perempuan. Jumlah penyandang terhad kepada 700 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.



KESATRIA MANGKU NEGARA (K.M.N.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Keempat. Yang di sebelah kiri ialah Bintang Kebesaran yang dikurniakan untuk kaum lelaki manakala di kanannya untuk dikurniakan kepada kaum perempuan. Jumlah penyandang tidak terhad.



AHLI MANGKU NEGARA (A.M.N.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kelima. Yang di sebelah kiri ialah Bintang Kebesaran untuk kaum lelaki dan di sebelah kanan untuk kaum perempuan. Jumlah penyandanganya juga tidak terhad.




PINGAT PANGKUAN NEGARA (P.P.N.)

Ia merupakan pingat bagi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. Yang di sebelah kiri ialah pingat untuk kaum lelaki dan di sebelah kanan untuk kaum perempuan. Jumlah penyandang tidak terhad.




**DARJAH-DARJAH YANG MULIA
SETIA MAHKOTA MALAYSIA**





SERI SETIA MAHKOTA (S.S.M.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Pertama. Anugerah ini membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyandang bergelar 'Toh Puan'. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.



SERI SETIA MAHKOTA (S.S.M.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Pertama. Anugerah ini membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyandang bergelar 'Toh Puan'. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.



JOHAN SETIA MAHKOTA (J.S.M.)

Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Ketiga. Jumlah anugerah ini terhad kepada 600 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.



**DARJAH-DARJAH YANG AMAT
DIHORMATI SETIA DIRAJA**





PANGLIMA SETIA DI RAJA (P.S.D.)

Merupakan Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja Pangkat Pertama. Jumlah anugerah ini terhad kepada 70 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat. Anugerah ini membawa gelaran 'Datuk' dan isteri penyandang bergelar 'Datin'.



JOHAN SETIA DIRAJA (J.S.D.)

Merupakan Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja Pangkat Kedua.



KESATRIA SETIA DIRAJA (K.S.D.)

Merupakan Darjah Yang Amat Dihormati Setia Diraja Pangkat Ketiga.



BENTARA SETIA DIRAJA (B.S.D.)

Merupakan Darjah Yang Amat Dihormati Setia
Diraja Pangkat Ketiga.



DARJAH BAKTI





DARJAH BAKTI (D.B)

"Berbakti untuk Negara". Ianya dikurniakan kepada rakyat Malaysia yang telah masyhor namanya di Malaysia dan juga di kalangan antarabangsa serta telah memberi sumbangan cemerlang dalam kemajuan seni, sains, dan kemanusiaan. Anugerah ini adalah dihadkan kepada 10 orang sahaja.



DARJAH-DARJAH GAGAH PERKASA





SERI PAHLAWAN GAGAH PERKASA (S.P.)

Ini merupakan anugerah yang tertinggi sekali dan yang paling kanan dalam senarai keutamaan anugerah Persekutuan. Bintang Kehormat ini dikurniakan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani serta penuh pengorbanan.



PANGLIMA GAGAH BERANI (P.G.B.)

Dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi musuh.



JASA PERKASA PERSEKUTUAN (J.P.P.)

Juga dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luas biasa di luar medan peperangan.



PINGAT TENTERA UDARA (P.T.U.)

Dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia kerana keberwiraan atau taat setia yang teristimewa ketika menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa operasi ataupun tidak. Gambar ini menunjukkan kedua-dua permukaan Pingat itu.



KEPUJIAN PERUTUSAN KEBERANIAN (K.P.K.)

Dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera dan Pasukan Polis yang telah menunjukkan atau melakukan sesuatu yang dianggap gagal berani tetapi tindakan itu tidaklah sebegitu tinggi untuk membolehkan mereka dikurniakan pingat.



**BINTANG DAN PINGAT BAGI
PERKHIDMATAN CEMERLANG
DAN KELAKUAN TERPUJI**





PINGAT KEBAKTIAN (P.K.)

Dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota-anggota Pasukan Tentera Sukarela dan Pasukan Perkhidmatan Beruniform



PINGAT KHRIDMAT BERBAKTI (P.K.B.)

Dikurniakan kerana khidmat-khidmat am anggota-anggota Angkatan Tentera dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.



PINGAT PERKHIDMATAN AM (P.P.A.)

Dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji bagi anggota tetap Angkatan Tentera Persekutuan dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.



PINGAT PERKHIDMATAN SETIA (P.P.S.)

Dikurniakan juga untuk menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji bagi anggota tetap Angkatan Tentera dan semua Pasukan Perkhidmatan Beruniform.



PINGAT-PINGAT PERINGATAN





PINGAT PERINGATAN MALAYSIA (P.P.M.)

Dibuat dalam tiga peringkat, iaitu emas, perak dan gangsa. Pingat ini khusus untuk mereka yang telah banyak memberikan khidmat cemerlang dalam usaha menubuhkan Persekutuan Malaysia hingga 31 Ogos 1965.

SUSUNAN KEUTAMAAN BAGI ANUGERAH-ANUGERAH PERSEKUTUAN

1. SERI PAHLAWAN GAGAH PERKASA	S.P.
2. DARJAH YANG MAHA UTAMA KERABAT DI RAJA MALAYSIA	D.K.M.
3. DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA	D.M.N.
4. SERI MAHARAJA MANGKU NEGARA	S.M.N.
5. SERI SETIA MAHKOTA MALAYSIA	S.S.M
6. DARJAH BAKTI	D.B.
7. PANGLIMA MANGKU NEGARA	P.M.N.
8. PANGLIMA SETIA MAHKOTA	P.S.M.
9. PANGLIMA SETIA DI RAJA	P.S.D.
10. JOHAN MANGKU NEGARA	J.M.N.
11. JOHAN SETIA MAHKOTA	J.S.M.
12. JOHAN SETIA DI RAJA	J.S.D
13. KESATRIA MANGKU NEGARA	K.M.N.
14. KESATRIA SETIA DIRAJA	K.S.D.
15. AHLI MANGKU NEGARA	A.M.N.
16. PINGAT PANGKUAN NEGARA	P.P.N.
17. BENTARA SETIA DI RAJA	B.S.D.
18. PANGLIMA GAGAH BERANI	P.G.B.
19. JASA PERKASA PERSEKUTUAN	J.P.P.
20. PINGAT TENTERA UDARA	P.T.U.
21. PINGAT KEBAKTIAN	P.K.
22. PINGAT KHIDMAT BERBAKTI	P.K.B.
23. PINGAT PERKHIDMATAN AM	P.P.A.
24. KEPUJIAN PERUTUSAN KEBERANIAN	K.P.K.
25. PINGAT PERKHIDMATAN SETIA	P.P.S.
26. PINGAT PERINGATAN MALAYSIA	P.P.M.
27. PINGAT-PINGAT PERTABALAN	



**PAKAIAN-PAKAIAN RASMI
DAN
CARA MEMAKAI ANUGERAH**



PERATURAN PAKAIAN

1. PAKAIAN RASMI

Apabila pakaian rasmi dikehendaki dipakai, maka cara pakaian itu ialah seperti berikut:

(a) Waktu Siang Hari

- (i) Pakaian Kebangsaan Rasmi: Baju Melayu cekak musang, berseluar, bertanjak, bersampeng, berbencong, berkeris, bersekitin hitam dan berkasut kulit hitam.
- (ii) Pakaian Rasmi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri.
- (iii) Pakaian-pakaian Rasmi Darjah Kebesaran bagi DMN, SMN, SSM, PMN, PSM dan PSD.
- (iv) Pakaian Seragam (Uniform) Angkatan Tentera, Polis Diraja Malaysia, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Pegawai-pegawai Perkhidmatan yang mempunyai Pakaian Seragam (Istiadat).
atau pakaian rasmi secara barat:
- (v) Pakaian Pagi (Morning Suit) atau Lounge Suit warna kehitaman (Dark Lounge Suit) dengan baju kemeja putih berkolar dan sepatu kulit warna hitam.

INGATAN:

Jika dipakai Darjah Lencana Leher bersama-sama dengan Pakaian Pagi atau lounge suit, tali lehernya hendaklah dipakai bow.

(b) Waktu Malam Hari

- (i) Pakaian Kebangsaan Rasmi seperti perenggan (a), (i) di atas berwarna hitam dan tiada berkeris.
- (ii) "Mess Kit" untuk Majlis Rasmi Malam bagi perenggan (a), (ii), (iii) dan (iv) di atas, atau Pakaian Petang Rasmi secara barat:
- (iii) Tail Coat hitam, Waist-coat putih, Kemeja putih berkanji di sebelah hadapan, Wing Collar, Bow putih, Seluar hitam, Setokin hitam dan Sepatu kulit hitam.
Atan
- (iv) Shell Jacket putih, Kemeja putih berkanji di sebelah hadapan, Wing Collar, Bow hitam, Waist-coat putih atau Cummerbund hitam, Setokin hitam dan Sepatu kulit hitam.

INGATAN:

Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat hendaklah dipakai apabila Pakaian Rasmi dikehendaki dipakai (lihat perenggan 3 di bawah).

2. PAKAIAN KEBANGSAAN

Apabila Pakaian Kebangsaan dikehendaki dipakai, maka cara pakaian itu ialah seperti berikut:

- Songkok;
- Baju Melayu;
- Bersampeng;
- Sepatu Hitam.

ataupun Pakaian Kebangsaan bangsa-bangsa asing.

3. DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat apabila dikehendaki dipakai hendaklah dipakai dengan pakaian-pakaian seperti berikut:

- (a) Pakaian Rasmi Jawatan, Pakaian Rasmi Darjah, Pakaian Seragam Angkatan Tentera dan Polis Diraja atau Pakaian Seragam lain-lain perkhidmatan, mengikut Peraturan Pakaian perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Pakaian Kebangsaan Rasmi

Dengan Pakaian Kebangsaan Rasmi, pemilik Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat hendaklah memakainya seperti berikut:

- (i) Tidak lebih daripada tiga Bintang Darjah Kebesaran.
- (ii) Tidak lebih daripada tiga Darjah Lencana Leher.
- (iii) Pingat-pingat Besar yang bersusun pada sebaris pada waktu siang dan Pingat-pingat kecil yang bersusun sebaris di waktu malam.

INGATAN:

Dalam susunan pingat-pingat itu, panjang bingkasnya (bar) itu tidaklah boleh lebih daripada lipatan baju di tengah-tengah dada ataupun lebih daripada jahitan baju sebelah bahu. Jika mustahak ribbon kepada Pingat-pingat itu bolehlah disusun berlapis-lapis.

(c) Pakaian Rasmi Waktu Malam

Darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat bolehlah dipakai dengan Pakaian Rasmi Waktu Malam seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1 (b)

- (i) Tidak lebih daripada tiga bintang Darjah-darjah Kebesaran;
- (ii) Satu sahaja Darjah Lencana Leher.
- (iii) Pingat-pingat Kecil yang bergantung daripada satu bingkas (bar) pada baju di sebelah kiri dada. Panjangnya bingkass itu tidaklah boleh lebih daripada dalam baju (lapel) ataupun lebih daripada jahitan lengan baju di kepala bahu sebelah kiri.

INGATAN:

Darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat sama ada yang besar atau yang kecil (miniature) tidaklah boleh dipakai dengan dinner jacket.

(d) Pakaian-pakaian yang lain yang boleh dipakai Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat dengannya.

Seerti yang dinyatakan dalam perenggan 1 (a) apabila dikehendaki, Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat bolehlah dipakai dengan Lounge Suit di Istiadat-istiadat Rasmi pada waktu siang oleh mereka yang tiada pakaian uniform ataupun Pakaian Kebangsaan Rasmi yang lengkap. Apabila Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat dipakai dengan lounge suit bolehlah dipakai sebagai berikut:

- (i) Tidak lebih daripada satu Bintang Darjah Kebesaran;
- (ii) Tidak lebih daripada satu Darjah Lencana Leher.
- (iii) Pingat Besar yang bergantung daripada satu bingkass (bar) sahaja.

INGATAN:

Jika dipakai Darjah Lencana Leher dengan Lounge Suit, tali lehernya hendaklah bow.

(e) Lain-lain Istiadat Waktu mana Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat boleh dipakai.

Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat bolehlah dipakai oleh Ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit pada Istiadat-istiadat yang dikelolakan oleh Persatuan-persatuan mereka misalnya pada Istiadat-istiadat Hari Peringatan.

Selain daripada itu, Darjah-darjah Kebesaran Bintang-bintang dan Pingat-pingat bolehlah dipakai oleh Bekas-bekas Perajurit yang mengambil bahagian dalam Istiadat-istiadat dan Perbarisan-perbarisan Persekutuan. Pada Istiadat-istiadat atau Perbarisan-perbarisan Persekutuan itu, mereka yang memakai Lounge Suit bolehlah memakai Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 (d) di atas. Mereka yang memakai Pakaian Kebangsaan (iaitu bukan Pakaian Kebangsaan Rasmi), bolehlah memakai Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat seperti berikut:

- (i) Tidak boleh lebih daripada satu Bintang Darjah Kebesaran;
- (ii) Tidak boleh lebih daripada satu Darjah Lencana Leher;
- (iii) Pingat-pingat Besar yang bergantung daripada satu bingkas (bar) sahaja.

(f) Selempong

Bagi Darjah Kerabat Diraja Malaysia dan Darjah Utama Seri Mahkota Negara, hendaklah disangkut pada bahu kiri dan diselempangkan ke pinggang sebelah kanan. Selempong bagi lain-lain Darjah Kebesaran disangkut pada bahu kanan dan diselempangkan ke pinggang sebelah kiri.

Apabila dipakaikan dengan Pakaian Rasmi Jawatan, Pakaian Rasmi Darjah atau Pakaian Seragam (uniform) Selemponganya hendaklah disusupkan di bawah epolet. Jika dipakai dengan Pakaian Kebangsaan Rasmi, Selempong hendaklah dipakai tersusup di bawah bengkong.

Jika dipakai dengan Pakaian Rasmi Waktu Malam, Selempong hendaklah dipakai dari bawah ketiak dan diselempangkan ke pinggang di bawah Coat atau Mess Kit.

(g) Kalong

Kalong Darjah Kebesaran bolehlah dipakai pada Hari-hari Kalong (Collar Days) bagi Darjah Kebesaran itu. Apabila memakai Kalong, Selempong bagi Darjah itu tidaklah boleh dipakai. Hari-hari Kalong bagi Darjah-darjah Persekutuan – Darjah Utama Seri Mahkota Negara dan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara adalah sebagai berikut:

- (i) Hari Mengurniakan Darjah Kebesaran Bintang-bintang dan Pingat-pingat bagi Darjah itu;
- (ii) Pada Hari Pembukaan Parlimen atau Majlis Undangan Negeri;
- (iii) Majlis Istiadat Mengadap apabila ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri;
- (iv) Hari Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Sultan-Sultan atau Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri bagi sesuatu Negeri.

(h) Peringatan cara memakai Darjah waktu malam:

(i) *Selempang*

- (a) Dengan Pakaian Kebangsaan, selempang hendaklah dipakai disebelah atas baju daripada bahu kepada rusuk yang sebelah lagi sebagai yang dinyatakan dalam Undang-undang (Statute).
- (b) Dengan Pakaian Waktu Malam atau Pakaian Uniform, selempang hendaklah dipakai sebelah dalam baju coat atau jacket tetapi di atas waist coat daripada bawah ketiak sehingga kepada rusuk yang sebelah lagi.

(ii) *Bintang-bintang*

Bintang-bintang bolehlah dipakai disebelah kiri pada sebelah bawah pingat-pingat kecil (miniatures). Jika dipakai dua, hendaklah diaturnya yang kanan disebelah atas dan yang satu lagi disebelah bawahnya. Jika dipakai tiga, hendaklah diaturnya tiga segi, yang kanan sekali disebelah atas dan yang dua lagi bersaingan disebelah bawah sama tinggi.

(iii) *Darjah Lencana Leher*

Darjah Lencana Leher hendaklah dipakai di leher tergantung pada ribbon yang pendek lebih kurang satu inci disebelah bawah collar (apabila memakai baju Kebangsaan) atau satu inci disebelah bawah bow (jika memakai pakaian waktu malam atau pakaian uniform). Jika memakai Pakaian Kebangsaan, bolehlah dipakai sehingga tiga Darjah Lencana Leher diatur bersusun ke bawah mengikut susunan kanannya, digantungkan pada ribbon yang pendek daripada lubang butang baju.

(iv) *Kalong*

Kalong bagi Darjah-darjah Kebesaran hendaklah dipakai pada masa-masa yang ditentukan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Undang-undangnya (sila lihat perenggan (g))

(v) Jika memakai Dinner Jacket, Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang, dan Pingat-pingat, sama ada yang besar atau yang kecil, tidaklah boleh dipakai.

PAKAIAN BAGI JAMUAN NEGARA

<i>Pakaian Kebangsaan Rasmi</i>	<i>Pakaian Waktu Malam</i>		
Tanjak Baju Melayu Warna Hitam Sampeng Warna Hitam Bengkong Warna Hitam Setokin Warna Hitam Sepatu Warna Hitam (Waktu malam tidak berkeris)	Tail Coat Hitam Waist Coat Putih Kemeja Putih berkanji keras disebelah hadapan Wing Collar Bow Putih Seluar Hitam Setokin Hitam Sepatu Hitam	atau	Shell Jacket Putih Kemeja Putih berkanji keras atau kanji sederhana disebelah hadapan Wing Collar Bow Hitam Waist Coat Putih atau Cummerbund Hitam Seluar Hitam Setokin Hitam Sepatu Hitam
		atau	Pakaian uniform waktu malam atau Mess Kit
Pemakaian Darjah-darjah Kebesaran, Bintang-bintang dan Pingat-pingat			
<i>Darjah Kebesaran</i>	<i>Pakaian Kebangsaan Rasmi</i>	<i>Pakaian Waktu Malam</i>	<i>Pakaian Uniform</i>
Selempang	Satu sahaja	Satu sahaja	Satu sahaja
Bintang-bintang	Tidak boleh lebih daripada tiga	Tidak boleh lebih daripada tiga	Tidak boleh lebih daripada tiga
Darjah Lencana Leher	Tidak boleh lebih daripada tiga	Satu sahaja	Satu sahaja
Darjah Hiasan-hiasan dan Pingat-pingat	Bintang-bintang Kecil (Miniature) bergantung daripada satu bingkas dipakai di dada sebelah kiri	Bintang-bintang Kecil (Miniature) bergantung daripada satu bingkas dipakai di dada sebelah kiri	Bintang-bintang Kecil (Miniature) yang bergantung daripada satu bingkas dipakai di dada sebelah kiri

PEGAWAI-PEGAWAI YANG MENGURUS ISTIADAT

1. Penghulu Istiadat : Y. Bhg. Datuk Abdul Wahid bin Shamsuddin,
Datuk Pengelola Bijaya Di-Raja
2. Ketua Istiadat : Y. Bhg. Datuk Zubir bin Haji Ali,
Datuk Paduka Maharaja Lela
3. Pembawa Darjah : Y. Bhg. Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
Setiausaha Sulit Kepada SPB Yang di-Pertuan Agong
: Y. Bhg. Dato' Haji Talaat bin Toh Haji Husain,
Ketua Pegawai Pentadbir
4. Juruiring-Juruiring : Kolonel Kamalruzaman bin Dato' Haji Maulud,
Juruiring Tentera Darat
: Penolong Pesuruhjaya Polis Abdul Majid bin Abdullah,
Juruiring Polis
: Kepten Anwar bin Mohd. Noor,
Juruiring Tentera Laut
: Kolonel Haji Othman bin Haji Sulan,
Juruiring Tentera Udara
5. Pembaca Doa : Y. Bhg. Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz,
Pegawai Agama Istana
6. Penolong Ketua Istiadat/Juruacara : Encik Omar bin Baba,
Penolong Datuk Paduka Maharaja Lela
7. Pegawai Perhubungan Akhbar : Encik Endot bin Haji Yusof
8. Pembawa Alat-Alat Kebesarannya : Pegawai-Pegawai Kanan Tentera (6 orang)
Pegawai-Pegawai Kanan Polis (6 orang)

9. Urusan Darjah dan
Susunan Majlis
- : Encik Nik Ariffin bin Nik Ali,
Pembantu Istiadat
 - : Encik Amirmusidi bin Haji Mat Salleh,
Pembantu Tadbir (Istiadat)
 - : Encik Mohd. Yusoff bin Haji Ramli,
Pembantu Tadbir (Istiadat)
10. Pancaragam
- : Angkatan Tentera Malaysia